

RAMAI BUANG UNDI AWAL2

PEMBUANGAN undi di Kedah/Perlis berjalan rancak dan lancar di hampir kesemua pusat pembuangan undi yang dibuka sejak 8.00 pagi.

Suri-surirumah, para petani dan ahli perniagaan adalah di antara pengundi yang awal keluar mengundi di kebanyakan pusat-pusat pembuangan undi di kedua negeri.

Terdapat 501 pusat pembuangan undi di Kedah dan 73 di Perlis.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah membuang undi masing-masing di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah 10 km dari sini pada jam 9.45 pagi.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin juga di antara pengundi yang awal membuang undi di Sekolah Keat Hwa di Kampung Perak di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang

ALOR SETAR, Khamis.

bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu melawat serta meninjau ke beberapa tempat di kawasannya sebelum pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

Datuk Seri Syed Nahar yang bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Langkawi, juga melawat kawasannya selepas membuang undi pada jam 8.45 pagi.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid mengundi di Sekolah Arab Kampung Acheh di Yan pada jam 9.00 pagi.

Seorang jurucakap Suruhanjaya Pilihanraya memberitahu kira-kira 25 peratus pengundi keluar mengundi dari jam 8.00 hingga 12 tengah hari.

Manakala di Perlis, lebih 30 peratus pengundi keluar mengundi setakat jam 12.00 tengah hari tadi.

Pengundian bertambah rancak di sebelah petang kerana lebih ramai lagi pekerja-pekerja pejabat keluar mengundi setelah pejabat Kerajaan ditutup pada jam 12.45 tengah hari kerana esok ialah cuti hujung minggu di Kedah dan Perlis.

Sementara itu cuaca di kebanyakan tempat di Kedah dan Perlis amat baik serta membolehkan pembuangan undi berjalan rancak dan lancar.

Pekerja-pekerja parti yang bertanding begitu sibuk menguruskan kenderaan untuk pengundi-pengundi pergi ke pusat pembuangan undi dan membantu menyemak senarai daftar pengundi di luar pusat-pusat pembuangan undi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia